

# KOSASS juara hoki wanita

**SERDANG** (3 Sept) - Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) berjaya menundukkan Kolej Keenam dalam perlawanan akhir pertandingan hoki, Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia (UPM) kategori wanita.

Ini merupakan kemenangan kali keempat berturut-turut KOSASS di dalam acara ini.

Perlawanan tersebut seperti babak ulangan perlawanan akhir tahun lepas yang menyaksikan pasukan yang sama bertemu di peringkat akhir.

KOSASS melayakkan diri ke perlawanan akhir dengan mengalahkan Kolej Canselor yang diketuai oleh penyerang kebangsaan Chitra Dewi dengan keputusan 6-1 pada peringkat separuh akhir manakala Kolej Keenam pula mengalahkan Kolej Tun Perak dengan keputusan 4-0.

Pada perlawanan akhir tersebut, Kolej Keenam yang diketuai oleh bekas ketua pasukan kebangsaan iaitu Nur Saliza

*Oleh:*  
**MOHD NIZAM NAZARUDDIN**

Ahmad Soobni berjaya mengikat KOSASS dengan keputusan 3-3. Perlawanan terpaksa ditentukan dengan tambahan masa secara 'Sudden Death'.

KOSASS yang dikemudikan oleh Nur Hafizah Azman, Maizatul Akmam Abas dan Nor Ain Nadia Jumaat iaitu pemain utama MASUM ke Sukan Arafura Australia 2005 berjaya memperolehi jaringan emas pada minit kedua tambahan masa.

Pengurus Pasukan KOSASS iaitu Mohd. Aidil Mohd Hushairi begitu gembira dengan kemenangan tersebut dan berpuas hati dengan komitmen setiap atlet.

Bagi kategori lelaki pula, Kolej Kedua berjaya mempertahankan Juara Bertahan dengan menewaskan Kolej Tun Dr. Ismail dengan jaringan 1-0. Hadiah dan Piala telah disampaikan oleh Wan Zaharuddin Wan Abdullah selaku pengurus acara hoki Sukan Kolej UPM.